



**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA  
PROGRAM MELAKAKU BERMUNAJAT:  
COVID-19 + IMTIHAN**

**PADA 18 FEBRUARI 2021 (KHAMIS) , MASA: 7.50 MALAM  
BERTEMPAT DI SERI BENDAHARA, SERI NEGERI,  
AYER KEROH MELAKA**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ  
الْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ طِبِّ الْقُلُوبِ وَدَوَائِهَا وَعَافِيَةِ  
الْأَبْدَانِ وَشِفَائِهَا وَنُورِ الْأَبْصَارِ وَضِيَائِهَا وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ

Lafaz selawat kepada Rasul Junjungan, Nabi Muhammad SAW, yang menjadi ikutan, dan suri tauladan sepanjang zaman.

*Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina Muhammad.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

**TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,**

**YANG BERTHORMAT DATUK SERI DR. HASIM BIN  
HASAN,**

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**SAHIBUS SAMAAH DATUK WIRA HAJI ABDUL HALIM  
BIN TAWIL,**

**MUFTI KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERHORMAT DATUK HAJI MD RAWI BIN MAHMUD,  
TIMBALAN PENGERUSI MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA;**

**YANG AMAT ARIF DATUK MOHD NADZRI BIN ABDUL RAHMAN,  
KETUA HAKIM SYARIE, MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA;**

**YANG BERBAHAGIA DATUK MD AZHAN BIN SAMAT,  
PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA;**

**YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI MUHAMMAD IKRAM  
BIN IBRAHIM,  
SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA;**

**YANG BERUSAHA DR. MOHD AZAM BIN AHMAD,  
PENGARAH PENDIDIKAN MELAKA;**

**YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI MOHAMMAD BIN  
HAJI HASHIM,  
IMAM BESAR MASJID NEGERI MELAKA;**

**YANG BERUSAHA ENCIK MOHD AZIMARUDDIN BIN  
ABD ZAIN,  
TIMBALAN PENGARAH JABATAN PENDAKWAAN  
SYARIAH NEGERI MELAKA;**

Seterusnya Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Agama Islam Negeri Melaka, imam-imam, pegawai-pegawai syarak, Datuk-datuk, Datin-datin, tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang sedang mengikuti siaran secara langsung melalui platform digital dan media sosial.

## MUKADIMAH

Apa kabau orang Melaka? semua sihat?  
Syukur, Alhamdulillah.

1. Syukur kita kepada Allah SWT, di atas kurnia dan kasih sayang-Nya yang berlimpah, maka, dapat kita semua berkumpul dan bersua, walaupun secara maya atau *online*, namun bagi kita semua, tetap bermakna, sempena **Program Melakaku Bermunajat: COVID-19.**



2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada agensi-agensi Agama Islam Negeri Melaka, yang bertungkus lumus bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk melaksanakan program Melaka Bermunajat COVID-19 dan Imtihan pada malam yang berbahagia ini.

### **PROGRAM MELAKAKU BERMUNAJAT: COVID-19**

3. Disebabkan situasi semasa pandemik COVID-19 yang sangat membimbangkan, kerajaan negeri

memilih platform digital sebagai langkah berjaga-jaga, selain mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikuatkuasakan untuk mengadakan program ini.

4. Saya difahamkan program ini juga disertai oleh 41 masjid, 2 surau, 20 madrasah tahfiz dan 10 sekolah agama di Negeri Melaka melalui aplikasi dalam talian. Sungguhpun kita berada pada lokasi yang berbeza, namun, kita tetap bersyukur kerana platform digital ini masih dapat menyatukan kita semua untuk sama-sama bermunajat memohon pertolongan kasih

sayang daripada Allah SWT agar diangkat wabak COVID-19 supaya negara dan negeri secara keseluruhannya kembali sejahtera.

5. Pada sudut lain, marilah sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi doa kepada Allah SWT buat semua calon peperiksaan utama iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang akan bermula tidak lama lagi agar dipermudahkan segala urusan, dikurniakan kesihatan yang baik serta memperoleh kejayaan yang cemerlang.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

### **SITUASI SEMASA COVID-19**

6. Umum mengetahui, kita masih berjuang dan bertarung dengan penularan wabak pandemik COVID-19. Sungguhpun mulai esok iaitu 19 Februari 2021 (Jumaat), Negeri Melaka akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di mana kebanyakan sektor ekonomi telah dibenarkan buka, namun, saya perlu

ingatkan, agar tetap berwaspada mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan.

7. Percayalah, usaha untuk memutuskan rantai COVID-19 ini tidak akan berjaya sekiranya dilaksanakan oleh sebelah pihak semata-mata. Sehubungan dengan itu, saya menyeru kepada semua pihak agar terus mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seperti kerap cuci tangan dengan sabun, memakai pelitup muka dan elakkan berkumpul di tempat sesak.

8. Kepada anak-anak calon peperiksaan utama yang bakal menduduki peperiksaan lebih kurang 3 hari lagi, pakcik nak nasihatkan, jagalah kesihatan sepanjang musim peperiksaan akan datang nanti. Pakcik ada dengar... sebahagian anak-anak ada yang mula rasa *give up* kerana banyak kali peperiksaan ini telah ditangguhkan.
  
9. Janganlah putus asa, teruskan berusaha sehingga ke titisan perjuangan yang terakhir serta jangan sesekali lupa untuk berdoa memohon perlindungan daripada Yang Maha Esa. Pakcik dan seluruh

kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka sentiasa mendoakan kejayaan kalian sebagai pelapis kepimpinan pada suatu hari nanti.

10. Begitu juga kepada para pendidik yang sedang rancak melaksanakan proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), saya mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih atas usaha yang dilaksanakan tanpa mengenal erti jemu. Saranan saya, laksanakan proses pembelajaran dengan bersungguh-sungguh dan terbaik dalam tempoh penularan pandemik COVID-19 ini.

Tuan-tuan puan-puan dan hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

11. Kerajaan Negeri Melaka amat memahami kesulitan yang dialami oleh segelintir ibu bapa dalam menghadapi kerumitan dengan data internet, peranti elektronik dan sebagainya. Pihak Kerajaan Negeri Melaka akan cuba sedaya upaya untuk memastikan pembelajaran anak-anak khususnya di Negeri



Melaka tidak ketinggalan walau apa jua cabaran yang mendatang.

12. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengajak seluruh rakyat Negeri Melaka khususnya, untuk terus menggembleng tenaga dan berganding bahu dalam usaha memutuskan penularan wabak COVID-19. In Shaa Allah, berkat kerjasama daripada semua pihak, kita akan dapat kembali hidup dengan lebih makmur dan selesa, Melaka terus Maju Jaya, Rakyatnya Bahagia sekali gus Menggamit Dunia.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.